



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

MENINGKATKAN PENGETAHUAN DAN
KEMAHIRAN PENGAJARAN REKODER
DI KALANGAN GURU BUKAN OPSYEN
DI DAERAH KANOWIT MENERUSI
MENTORING SATU KAJIAN KES



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

JANIN ANAK JANTING

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

MENINGKATKAN PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN PENGAJARAN
REKODER DI KALANGAN GURU BUKAN OPSYEN DI DAERAH
KANOWIT MENERUSI *MENTORING*.
SATU KAJIAN KES.

JANIN ANAK JANTING



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(MOD PENYELIDIKAN)

FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2022



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UPS/PS-3/BO 3



Sila tanda (✓)
Kertas Projek
Sarjana Penyelidikan
Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus
Doktor Falsafah

✓

Pind : 00 ms: 1/

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH
PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN**

Perakuan ini telah dibuat pada 9 (hari bulan) OGOS (bulan) 2022

i. Perakuan pelajar :

Saya, **JANIN ANAK JANTING, M20161000083, FAKULTI MUZIK DAN SENI PERSEMBAHAN** dengan ini mengaku bahawa tesis yang bertajuk: **MENINGKATKAN PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN PENGAJARAN REKODER DI KALANGAN GURU BUKAN OPSYEN DI DAERAH KANOWIT MENERUSI MENTORING SATU KAJIAN KES** adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya.

Tandatangan pelajar

Perakuan Penyelia Saya, **DR. MAHAYUDDIN ABDUL BAHIM** dengan ini mengesahkan hasil kerja pelajar yang bertajuk **MENINGKATKAN PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN PENGAJARAN REKODER DI KALANGAN GURU BUKAN OPSYEN DI DAERAH KANOWIT MENERUSI MENTORING SATU KAJIAN KES** dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah **SABANA PENDIDIKAN MUZIK**.

9/8/2022

Tarikh

Tandatangan Penyelia

UPS/IPS-3/BO 31
Pind.: 01 m/s:1/1

**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**

**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: **MENINGKATKAN PENGETAHUAN DAN KEMAHIRAN
PENGAJARAN REKODER DI KALANGAN GURU BUKAN OPSYEN
DI DAERAH KANOWIT MENERUSI MENTORING, SATU KAJIAN
KES.**

No. Matrik / Matric's No.: **M20161000083**

Saya / I: **JANIN ANAK JANTING**
(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-

SULIT/CONFIDENTIAL

Mengandungi maklumat yang bertajuk keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

TERHAD/RESTRICTED

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS

(Tandatangan Pelajar/ Signature)

(Tandatangan Penyelia / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cop Rasmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: **9 OGOS 2022**

Catatan: Jika Tesis/Disertasi Ini SULIT @ TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT dan TERHAD.

Notes: If the thesis is CONFIDENTIAL or RESTRICTED, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.



PENGHARGAAN

Syukur kepada Tuhan dengan izinnya kajian ini telah berjaya diselesaikan setelah berdepan dengan pelbagai halangan dan rintangan. Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih saya rakamkan kepada Y.Bhg Dr Mahayuddin Bin Abdul Rahim selaku Penyelia yang telah memberikan bimbingan, sokongan dan tunjuk arah dalam menyelesaikan pengajian ini. Sesungguhnya perhatian yang beliau berikan tak terhingga nilainya dan sangat berguna kepada saya dalam menuntut ilmu kedoktoran ini. Beliau juga selalu memberikan kerjasama dan bantuan yang padu, komitmen yang tinggi, peka ketika diperlukan, prihatin dan teliti dalam melaksanakan tanggungjawabnya sebagai penyelia. Tanpa kerjasama dan komitmen yang jitu daripada beliau nescaya tesis ini tidak akan dapat disiapkan dengan sebaik-baiknya. Dalam usaha mengumpul maklumat dan bahan kajian, saya amat mengucapkan ribuan kepada Guru Besar SK Ulu Ranan Dr Andrew Anak Mail, semua guru dan staf sekolah, PPD Kanowit, dan sekolah-sekolah yang terlibat dalam kajian ini atas kerjasama dan komitmen yang telah anda berikan semua. Kepada penilai-penilai tesis ini diucapkan jutaan terima kasih kerana sudi membaca dan menilai penulisan ini, sudilah kiranya menegur dan memberi tunjuk ajar demi kebaikan kita bersama. Segala yang baik itu datang daripada Tuhan sementara yang buruk itu datang daripada saya sendiri sebagai insan yang lemah. Mohon maaf atas segala kekurangan sepanjang penulisan tesis ini. Teguran membina dan nasihat yang berguna amat diperlukan untuk penambahbaikan pada masa akan datang. Penghargaan yang tinggi juga ditujukan kepada PTPTN yang telah memberikan bantuan biasiswa dalam pengajian ini dan ucapan terima kasih juga kepada para pegawai-pegawai Universiti Pendidikan Sultan Idris, semua pensyarah FMSP Fakulti Muzik dan Seni Persembahan UPSI yang telah banyak memberikan kerjasama yang baik dan bantuan yang diperlukan tanpa jemu. Pujian yang teramat juga diberikan kepada pengurusan FMSP UPSI atas kecekapan dan keprihatinan dan kredibiliti mereka yang amat komitmen dalam menjalankan tugas. Hormat dan bakti kepada ayahanda Janting Anak Ringgau, ibunda Jempaka Anak Sipouk, kakak yang disanjung Flora Anak Janting, adik yang dikasihi Patricia Anak Janting, Andy Anak Janting, isteri yang dicintai Tracy Imas Anak Igat dan anak-anak yang disayangi yang sentiasa membantu serta sentiasa memberikan sokongan dan kasih sayang yang tidak terhingga kepada diri ini dalam usaha menyelesaikan pengajian. Segala pengorbanan, kesabaran dan ketegaran kalian amat tinggi nilainya. Akhir sekali kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menghasilkan tesis ini, segalanya didahulukan dengan penghargaan yang sangat tinggi dan ucapan terima kasih. Hanya Tuhan sahaja yang dapat membalas kebaikan tersebut. Semoga tesis ini bermanfaat untuk masa akan datang bagi kita semua.





ABSTRAK

Alat muzik rekoder telah dikekalkan kepada pelajar sekolah rendah dalam pelaksanaan kurikulum standard sekolah rendah (KSSR) yang termasuk pengalaman muzikal, penciptaan muzik, penghargaan muzik, membaca serta menulis notasi muzik. Tinjauan awal penyelidikan mendapati bahawa guru muzik sekolah rendah di daerah Kanowit terdiri daripada guru tanpa latihan formal muzik atau pengalaman muzik. Mereka tidak mempunyai kemahiran bermain rekoder menyebabkan pengajaran dan pembelajaran rekoder tidak dapat dilaksanakan dengan baik. Oleh itu, penyelidik telah melaksanakan satu kajian kes menggunakan kaedah mentor mentee untuk membantu mengatasi masalah yang dihadapi. Tiga orang guru sekolah rendah di daerah Kanowit telah dipilih secara khusus dan telah dibimbing sehingga mereka berupaya melaksanakan pengajaran rekoder ke tahap yang diharapkan. Kajian kes ini telah melalui prosedur pemerhatian, temu bual dan dokumentasi yang kebanyakannya dilakukan di lapangan. Data yang dianalisis telah dikategorikan mengikut tema yang ditentukan dalam menjawab persoalan penyelidikan. Hasil kajian membuktikan bahawa kaedah mentor mentee dapat meningkatkan kemahiran dan pengetahuan kedua-dua mentor dan mentee. Ketiga-tiga mentee didapati berjaya menguasai teknik permainan rekoder yang diperlukan dan berupaya melaksanakan pengajaran dan pembelajaran rekoder di sekolah rendah dengan yakin. Mereka berpendapat bahawa prosedur mentor mentee membolehkan mereka menguasai pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan malah berupaya mengeratkan perhubungan di antara mentee dan mentor. Di samping itu, ia turut membantu meningkatkan kemahiran penyelidik melaksanakan kaedah mentor mentee dengan lebih baik. Kajian ini hanya berfokus di daerah Kanowit dengan tiga orang subjek kajian; Oleh itu, generalisasi adalah tidak relevan, bagaimanapun, ia mungkin boleh membantu mereka yang menghadapi fenomena yang sama.



IMPROVING THE KNOWLEDGE AND TEACHING SKILLS OF RECORDERS AMONG NON-OPTIONAL TEACHERS IN KANOWIT DISTRICT THROUGH MENTORING: A CASE STUDY

ABSTRACT

The recorder is a musical instrument that was retained to primary school students in the implementation of the primary school Standard Curriculum (KSSR) which included musical experiences, music creation, music appreciation, reading, and writing musical notations. An initial survey of the research found that elementary school music teachers in Kanowit districts consist of teachers without formal music training or musical experiences. They lack of recorder playing skills, resulting in poor teaching, and learning. Therefore, researchers conducted a case study using mentoring approach to help overcome the problem. Three primary school teachers in the Kanowit district have been specifically selected and have been guided to the extent that they can carry out recorder teaching to the expected level. This case study has gone through observational procedures, interviews, and documentation, mostly done in the field. The data was carefully analysed, categorized according to the theme specified in answering research questions. The results prove that mentoring methods can improve the skills and knowledge of both mentors and mentees. All three mentees were found to have mastered the recorder playing skills, and techniques needed to perform teaching and learning in primary school with confidence. They believe that the activities carried out through mentoring procedures enable them to master the knowledge and skills needed. It also can create a good relationship among mentors and mentees in line with the research objectives. In addition, it also helps to improve the skills of researchers in implementing mentoring methods. The study focused only on the Kanowit district with three subjects of study; therefore, generalization is irrelevant, however, it may be possible to help those who are facing a similar phenomenon.

**KANDUNGAN****Muka Surat**

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN DISERTASI	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI SINGKATAN	xii

**BAB 1 PENGENALAN**

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	9
1.3	Permasalahan Kajian	11
1.4	Tujuan Kajian	13
	1.4.1 Objektif Khusus	14
1.5	Persoalan Kajian	14
1.6	Kepentingan Kajian	14
1.7	Batasan Kajian (Kumpulan Sasaran)	15
1.8	Definisi dan Istilah	15
	1.8.1 Pendidikan Muzik KSSR	
1.9	Kerangka Konseptual Kajian	18



BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pendahuluan	20
2.2	Permasalahan Pengajaran Dan Pembelajaran Bermain Rekoder	21
2.3	Isu <i>Mentoring</i>	28
2.4	Kaedah Pengajaran Rekoder Soprano	48
2.5	Teknik Pengajaran Rekoder Soprano	50
2.6	<i>Mentoring</i>	53
2.7	Pengertian dan Konsep Pengajaran dan Pembelajaran	80
	2.7.1 Konsep Pengajaran	82
	2.7.1.1 Model Pengajaran	82
	2.7.2 Konsep Pembelajaran	83
	2.7.2.1 Teori Pembelajaran	84

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pendahuluan	95
3.2	Reka Bentuk Kajian	95
	3.2.1 Pendekatan Kajian	96
	3.2.2 Kaedah Kajian	96
3.3	Prosedur <i>Mentoring</i>	98
	3.3.1 Prosedur 1	99
	3.3.2 Prosedur 2	102
	3.3.3 Prosedur 3	102
	3.3.4 Prosedur 4	110
	3.3.5 Prosedur 5	112
	3.3.6 Prosedur 6	114

3.3.7	Prosedur 7	115
3.3.8	Prosedur 8	116
3.3.9	Prosedur 9	117
3.3.10	Prosedur 10	118
3.3.11	Prosedur 11	120
3.3.12	Prosedur 12 (Pemerhatian Ke Sekolah)	121
3.3.13	Fasa Mentoring 1 (Pemerhatian)	122
3.3.14	Fasa <i>Mentoring</i> 2 (Penglibatan Diri)	123
3.3.15	Fasa <i>Mentoring</i> 3 (Melakukan Aktiviti)	123
3.4	Subjek Kajian	123
3.5	Lokasi Kajian	124
3.6	Prosedur Dan Tatacara Pengumpulan Data	124
3.6.1	Pemerhatian	125
3.6.2	Protokol Temu Bual Semi Berstruktur	127
3.6.3	Kajian Dokumen	129
3.7	Tatacara Menganalisis Data	130
3.8	Jangka Masa Prosedur Penyelidikan	133
3.9	Rumusan	134
3.10	Rangka Kerja	135

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	137
4.2	Dapatan Kajian Persoalan Kajian 1	138
4.3	Dapatan Kajian Persoalan Kajian 2	152
4.4	Dapatan Kajian Persoalan Kajian 3	162
	RUMUSAN	168

BAB 5 RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	169
5.2	Rumusan	170
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	171
5.4	Implikasi Kajian	179
5.4.1	Implikasi Kepada Guru Muzik	180
5.4.2	Implikasi Terhadap Sekolah	182
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	183
5.6	Kesimpulan	184
RUJUKAN		186
LAMPIRAN		206

**SENARAI RAJAH**

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Teoritikal <i>Mentoring</i>	18
2.1	Kedudukan Pemipit Pada Mulut	50
2.2	Kemahiran Guru Mentor	64
2.3	Petua <i>Mentoring</i>	66
2.4	Ciri-ciri Mentor Yang Baik	69
2.5	Jenis Program-Program <i>Mentoring</i>	72
2.6	Fungsi Mentor	75
2.7	Fungsi Mentor	76
2.8	Model Kognitif Waugh dan Norman (1965)	94
3.1	Contoh format RPH Pendidikan Muzik	106
3.2	Kedudukan Penjarian Rekoder	112
3.3	Kedudukan Not C Ke D [♯] Pada Garis Baluk.	119
3.4	Skor lagu Jingkli Nona frasa pertama	120
3.5	Tatacara Pengumpulan Data	130
3.6	Jangka Masa Prosedur Penyelidikan	133
4.1	Slur C Major menaik dan menurun	145
4.2	Skel C Major	141
4.3	Skor lagu Jingkli Nona	150





SENARAI SINGKATAN

DP	DIALOG PERBUALAN
DSKP	DOKUMEN STANDARD KANDUNGAN
IPTA	INSTITUT TINGGI PENGAJIAN AWAM
KPM	KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
KSSR	KURIKULUM STANDARD SEKOLAH RENDAH
NL / P	NOTA LAPANGAN / PEMERHATIAN
P	PENYELIDIK
PKS	PEMERHATIAN KE SEKOLAH
PMV	PEMRHATIAN MELALUI VIDEO
PP	PROTOKOL PEMERHATIAN
SK	SUBJEK KAJIAN
TM	TEMU BUAL





BAB 1

PENGENALAN



Alat muzik rekoder merupakan salah satu alat muzik yang digunakan untuk membantu guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran subjek muzik bagi pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Berdasarkan KSSR, subjek muzik yang dilaksanakan di sekolah merangkumi empat perkara: Pengalaman Muzikal, Penghasilan Muzik, Apresiasi Muzik, dan Membaca dan Menulis Notasi (Kurikulum Standard Sekolah Rendah, 2019). Tinjauan awal penyelidikan mendapati bahawa guru-guru muzik di sekolah rendah di daerah Kanowit terdiri daripada para guru yang bukan opsyen muzik. Ini menyebabkan proses pengajaran dan pembelajaran rekoder tidak dapat dilaksanakan dengan baik dan pembelajaran hanya diberikan kepada nyanyian dan gerakan. Perkara-perkara asas yang penting seperti teknik permainan rekoder, postur, dan bacaan notasi secara betul dan sistematik tidak





dapat dilaksanakan. Syed Ismail dan Ahmad Subki (2014) menyatakan bahawa pengetahuan dan kemahiran asas merupakan perkara yang wajib dikuasai sebelum menguasai kemahiran seterusnya. Proses pengajaran dan pembelajaran lebih merumitkan kerana para guru ini tidak mempunyai latar belakang muzik secara formal. Isu ini telah menimbulkan minat penyelidik untuk mengkaji isu ini dengan lebih mendalam sekaligus mencadangkan kaedah *Mentoring* untuk membantu dan membimbing para guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran subjek muzik di sekolah.

Program Mentor Menti turut diperkenalkan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Program Amalan Guru Penyayang seperti mana yang telah dinyatakan dalam Surat Siaran KPM Pelaksanaan Amalan Guru Penyayang (2013). Oleh itu, setiap warga pendidik dapat membudayakan sikap kasih sayang di kawasan sekolah bagi melahirkan individu yang memiliki nilai yang positif agar dapat melahirkan tingkah laku yang dikehendaki selari dengan kehendak Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Pelaksanaan Program Amalan Guru Penyayang (AGP) ini dapat dilihat melalui pelaksanaan beberapa aktiviti seperti yang telah digariskan di dalam surat siaran tersebut. Terdapat tiga aktiviti berfokus yang dilaksanakan melalui Amalan Guru Penyayang iaitu guru menyambut kedatangan murid ke sekolah, memberi pengiktirafan kepada murid dan juga Program Mentor Menti. Program Mentor Menti ini telah dilaksanakan di kebanyakan sekolah di Malaysia iaitu di sekolah rendah dan sekolah menengah berlandaskan kepada Surat Siaran KPM 2013 Pelaksanaan Amalan Budaya Penyayang.



Dalam abad ke 21, banyak berlaku perubahan mega yang sangat mencabar, seperti hubungan diplomatik dan kerjasama wilayah, perniagaan merentasi sempadan antarabangsa, revolusi industri 4.0 dan persaingan yang sengit di antara organisasi bagi mencapai dan mengekalkan daya saing dan prestasi dalam era globalisasi dan dunia tanpa sempadan (Gisbert-Trejo, Landeta, Albizu & Fernández-Ferrín, 2019) Matlamat ini dapat dicapai sekiranya organisasi mempunyai program latihan di tempat kerja yang dirancang dengan rapi, seperti program pementoran (Gill, Roulet, & Kerridge, 2018).

Secara khususnya fokus kajian ini tertumpu kepada sejauh mana *Mentoring* dapat membantu guru-guru muzik bukan opsyen meningkatkan kemahiran mereka dalam pengajaran dan pembelajaran bermain rekoder. Dalam organisasi moden, program pementoran biasanya dimulakan daripada atas ke bawah, iaitu staf yang berpengetahuan dan berpengalaman (mentor) ditugaskan untuk memberi bimbingan secara profesional kepada staf yang kurang pengetahuan dan pengalaman (menti) bagi membangunkan kompetensi profesional, budaya, peribadi dan sosial menti (Chen & Wen, 2016; Jyoti & Sharma, 2017; Gill et al., 2018). Pemeriksaan terhadap analisis meta yang diterbitkan dalam jurnal-jurnal antarabangsa dalam tempoh 20 hingga 25 tahun mendapati bahawa pelaksanaan program pementoran memberi faedah yang sangat besar kepada menti dan organisasi (Wong, Cross, & Mueller, 2018).

Kajian ini mempunyai justifikasi yang jelas bahawa seorang mentor yang berkesan mengamalkan tahap kepimpinan instruksional yang cemerlang serta mempunyai efikasi sendiri yang tinggi untuk menghasilkan prestasi yang berkualiti (Andi Audryanah, 2007; Chen, 2017; Hussein Mahmood, 2016; Waters, 2017).



Sehubungan itu adalah diakui bahawa efikasi sendiri, amalan kepimpinan instruksional dan prestasi kerja saling mempengaruhi di antara satu sama lain. Kajian lepas mendapati bahawa sekiranya efikasi sendiri meningkat maka tahap prestasi kerja turut meningkat. Begitu juga sekiranya tahap keyakinan diri guru meningkat maka tahap prestasi kerja mereka juga turut meningkat. Ini menunjukkan bahawa *Mentoring* memainkan peranan yang penting dalam meningkatkan kemahiran permainan rekoder guru muzik bukan opsyen.

Penelitian terhadap kajian literatur mendapati bahawa program pementoran dirancang dengan rapi tidak dapat mencapai objektif sekiranya mentor tidak mempunyai kebolehan yang mencukupi untuk melaksanakan fungsi pementoran secara efektif (Nor Ain, Azman & Fariza 2018). Menurut kebanyakan Penyelidik, seperti Ting et al. (2017), Nor Ain et al. (2018) mentor mempunyai dua peranan yang sangat penting, iaitu fungsi kerjaya dan psikososial. Fungsi kerjaya biasanya dilaksanakan oleh mentor melalui bimbingan kepada mentee berkaitan pembangunan kerjaya (Gill et al., 2018; Montgomery, 2017). Manakala, fungsi psikososial dilakukan oleh mentor dengan memberi bimbingan kepada mentee berkaitan kemahiran sosial. Kebanyakan hasil kajian tentang program pementoran yang diterbitkan pada abad ke-21 mendedahkan bahawa keupayaan mentor melaksanakan fungsi kerjaya dan psikososial dengan teratur berupaya memberi kesan yang signifikan kepada kejayaan mentee, terutamanya kepuasan kerjaya (Lunsford, Baker & Pifer, 2018) dan motivasi kerjaya (Kao, Rogers, Spitzmueller, Lin, & Lin, 2014). Dalam perspektif tingkah laku organisasi, kepuasan kerjaya ialah interaksi antara kombinasi psikologi dan persekitaran yang mempengaruhi seseorang individu dalam menilai kerjanya





(Lunsford et al., 2018). Sementara itu, motivasi kerjaya ialah motivasi yang memberi kesan kepada matlamat, usaha, masa atau tingkah laku individu terhadap kerjayannya (Nor Ain, Azman, Fariza, Sadli, & Nordin, 2016). Walaupun sifat perhubungan ini telah banyak dikaji, namun peranan mentor sebagai pemboleh ubah peramal yang penting tidak dikupas dengan terperinci dalam kajian literatur tentang program pementoran organisasi (Jyoti & Sharma, 2015). Walau bagaimanapun, terdapat kritikan yang menyatakan bahawa keadaan ini mungkin disebabkan oleh beberapa faktor: pertama, kajian lepas terlalu banyak menghuraikan ciri-ciri dalaman program pementoran secara konseptual iaitu menjelaskan takrif, tujuan, jenis, fungsi dan kepentingan program pementoran (Kim, Im, & Hwang, 2015). Kedua, kajian lepas terlalu banyak menggunakan kaedah korelasi mudah, iaitu mengukur darjah keteguhan perhubungan dan arah perhubungan di antara peranan mentor dan kejayaan kerjaya mentee, serta menerangkan perbezaan pandangan subjek kajian terhadap peranan mentor (Jyoti & Sharma, 2015). Ketiga, kebanyakan kajian lepas tidak banyak memberi fokus kepada menilai saiz kesan peranan mentor sebagai peramal kepada kejayaan kerjaya mentee.

Tradisionalnya, pementoran ditakrifkan sebagai satu proses di mana individu yang lebih berpengalaman bertindak sebagai kaunselor, pembimbing, tutor atau jurulatih kepada individu yang tidak berpengalaman dalam sesuatu bidang tertentu (Rekha & Ganesh, 2012; Azman et al., 2015; Kram, 1985). Fokus utama program ini adalah untuk melatih dan pembangunan mentee terutamanya dalam bidang kerjaya dan psikososial mentee seperti pengetahuan penting, kemahiran terkini, kebolehan baharu, sikap positif dan keperluan semasa supaya mereka berkeupayaan meningkatkan daya saing diri, mengurus peluang dan masalah dengan berhemah, serta memberi respons





terhadap pelbagai cabaran dalam persekitaran dalaman dan luaran organisasi secara berterusan (Rekha & Ganesh, 2012; Kram, 1985). Terdapat banyak kajian lepas yang menyokong kebaikan program pementoran di kalangan ahli-ahli akademik dan industri. Dalam konteks institusi pengajian tinggi, pelajar yang mengikuti program pementoran didapati memperolehi prestasi akademik yang amat memberangsangkan berbanding pelajar lain yang tidak mengikuti program pementoran (Campbell, 1997). Selain itu juga program pementoran, digunakan sebagai mekanisme yang menyokong perubahan paradigma institusi pengajian tinggi dari pembelajaran berorientasi akademik kepada praktikal (Gregson, 1994; Raelin, 2000; Sambrook, 2001). Sebagai contoh, Pusat SCANS2000 di Institut Kajian Polisi, Universiti John Hopkins telah menggalakkan kaedah pembelajaran berasaskan kerjasama dan penilaian terancang untuk menyediakan pekerja masa depan yang mampu bersaing dalam ekonomi antarabangsa pada abad ke-21. Kaedah pembelajaran ini telah meningkatkan amalan komunikasi antara pengajar (mentor) dan pelajar (mentee) dan amalan komunikasi ini berjaya memindahkan pengetahuan, kemahiran dan kebolehan kepada pelajar (Azman et al., 2014). Manakala, dalam konteks organisasi, terdapat banyak kajian yang telah dilakukan oleh para Penyelidik mendapati bawa pementoran ini memberi impak yang positif kepada mentee (seperti contoh bidang kerjaya dan psikososial) dan organisasi (Ghosh & Jr, 2013; Rollins et al., 2014; Weng et al., 2010). Manakala, menurut Eller et al., (2014) amalan komunikasi di dalam program pementoran mampu meningkatkan keyakinan kemahiran diri mereka dan memotivasikan mentee untuk melakukan pembangunan diri mereka.

Mentor mempunyai peranan utama untuk menasihatkan mentee pada masa yang tepat, menunjukkan contoh yang baik dan membantu mentee dalam mengembangkan



diri perniagaan mereka. Secara umumnya, mentor terlibat sebagai pembimbing secara berterusan dan darjah intensiti perhubungan itu berbeza-beza atau bergantung kepada keadaan, keperluan, perubahan dan tingkat kemajuan mentee. Mentor dilihat sebagai seorang yang rapat atau boleh dijadikan sahabat, boleh dipercayai dan bukannya seorang kaunselor profesional. Tugas seorang mentor adalah mencabar kerana mereka dikehendaki mendidik mentee untuk memahami sesuatu tanggungjawab, membiasakan diri dengan sesuatu teknik, berkongsi pengalaman, memenuhi kehendak peribadi dan mengambil berat segala aspek kehidupan mentee. Mentor bertanggungjawab untuk memindahkan pengetahuan, kemahiran dan kebolehan yang berguna kepada mentee. Mentee yang boleh menguasai pengetahuan, kemahiran dan kebolehan yang dipelajari mempunyai peluang yang besar untuk meningkatkan kerjaya, dan mengembangkan psikososial yang positif (seperti membentuk jati diri, keupayaan menyampaikan, cekap melaksanakan kerja-kerja dan menjadi contoh teladan yang baik kepada orang lain).

Menurut Safura Ahmad Sabri, Hazlin Falina Rosli, Nurzakira Afnee Zakaria dan Ahmad Fatin (2016), sistem *Mentoring* ini bukanlah satu perkara yang baru, malah ia telah diaplikasikan dengan sangat meluas merentasi pelbagai bidang seperti perniagaan, kesihatan dan pendidikan. Program *Mentoring* ini dikatakan telah lama menjadi perhatian utama oleh ahli-ahli akademik dan industri sebagai satu program untuk pembangunan profesional dan peribadi individu (Rekha & Ganesh, 2012). Ia juga dikatakan sebagai suatu konsep yang begitu relevan dengan bidang profesional serta bidang bukan profesional pada hari ini. Berdasarkan fakta tersebut, kaedah *mentoring* telah dipilih dalam membimbing kesemua subjek kajian (tiga orang guru bukan opsyen) untuk menguasai pengetahuan dan kemahiran asas dalam permainan rekoder. Pemilihan kaedah ini diharapkan dapat membantu para guru ini



melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran rekoder dengan lebih yakin dan berkesan.

Menurut Zahanim Ahmad dan Qurratu Aini Syamimi (2018), proses *mentoring* telah dimulakan dengan mengukuhkan perhubungan yang baik dengan mentee dan diikuti dengan mengukuhkan lagi teknik pengajaran dan permainan rekoder penyelidik sendiri. Penyelidik (mentor) dan mentee turut berkongsi bahan dan idea dengan mentee. Selain itu penyelidik telah mendalami proses serta prosedur dalam melaksanakan kaedah *Mentoring* yang bersesuaian dengan objektif yang ingin dicapai. Ia dilakukan melalui kajian lepas dan temu bual bersama penyelidik tempatan yang telah melaksanakan penyelidikan berkaitan *Mentoring*. Menurut Eller, Lev dan Feurer (2014), ini perlu dilakukan agar penyelidik dapat bertindak sebagai mentor yang baik serta memberi kesan positif terhadap mentee.

Kaedah *Mentoring* ini dilaksanakan secara berperingkat seperti yang dicadangkan oleh pakar sehingga mentee dapat menguasai pengetahuan dan kemahiran asas yang diperlukan. Ia merangkumi 1) membina perhubungan yang baik dengan mentee sehingga wujud perasaan saling percaya di antara mentor dan mentee, 2) memberi bahan bacaan yang berkaitan, 3) bahan audio visual, 4) bimbingan dan demonstrasi 5) analisis video pengajaran permainan rekoder oleh pakar dan 6) pemerhatian dan perbincangan. Kajian ini telah membuktikan bahawa kaedah *Mentoring* ini adalah salah satu kaedah yang amat berkesan dalam membantu guru-guru baharu mempertingkatkan proses pengajaran dan pembelajaran mereka dalam permainan rekoder. Dapatan kajian ini didapati membantu dan membimbing guru-guru bukan opsyen muzik bagi mempertingkatkan kemahiran mereka dalam proses





pengajaran dan pembelajaran rekoder di samping memperkukuhkan pengetahuan dan kemahiran mental dalam permainan rekoder tahap dua.

1.2 Latar Belakang Kajian

Kurikulum Pendidikan Muzik dirangka berdasarkan empat modul: Pengalaman Muzikal, Penghasilan Muzik, Apresiasi Muzik serta Membaca dan Menulis Notasi Muzik, di mana proses pengajaran dan pembelajaran tidak mewajibkan guru untuk mengikut susunan hierarki modul tersebut (KSSR, 2014). Modul yang di fokus dalam kajian ini adalah Modul 1 yang terdiri daripada Pengalaman Muzikal (60%) di mana ia melibatkan Standard Kandungan 1.4: Memainkan rekoder secara ensembel.

Penyelidikan ini telah dilaksanakan di tiga buah sekolah di sekitar daerah Kanowit, sebuah pekan kecil di luar bandar, di mana pertanian merupakan pekerjaan utama penduduk di daerah ini. Ketiga-tiga buah sekolah ini tidak memiliki bilik muzik dan peralatan-peralatan muzik yang diperlukan untuk proses pengajaran dan pembelajaran subjek muzik. Rekoder tidak dibekalkan walaupun ia merupakan alat muzik yang amat diperlukan untuk melaksanakan KSSR Pendidikan Muzik. Ketiadaan guru muzik yang terlatih memburukkan lagi keadaan dan melemahkan semangat para pelajar untuk membeli dan mempelajari alat muzik rekoder. Guru-guru yang mengendalikan subjek muzik di ketiga-tiga sekolah ini terdiri daripada tiga orang guru yang bukan opsyen muzik. Guru-guru ini telah mencuba untuk melaksanakan sukatan mata pelajaran muzik namun menghadapi masalah dalam proses pengajaran dan pembelajaran permainan rekoder. Guru-guru ini masih lagi belum mempunyai





kemahiran dan pengetahuan asas tentang pendidikan muzik seperti postur, penjarian, artikulasi, embouchure, ton dan notasi muzik sedangkan sebagai seorang guru muzik mereka haruslah menguasai kemahiran-kemahiran tersebut di samping minat yang tinggi dalam bidang muzik. Selain itu, seorang guru muzik juga haruslah berkebolehan mengawal kelas dengan baik dan menjadi pemudah cara kepada para pelajar yang dibimbingnya. Menurut Syed dan Ahmad (2014), kemahiran seorang guru dalam mengendalikan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dapat menimbulkan suasana pembelajaran yang selesa, seronok dan kondusif semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Mazzocchi (2015) menyatakan “Great music teachers understand that every single child is capable of becoming proficient at their craft” (ms. 2). Guru-guru memerlukan bimbingan untuk membolehkan mereka melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran rekoder seperti yang terkandung dalam KSSR (2019).



Kaedah *Mentoring* merupakan antara kaedah yang telah terbukti dapat membantu guru-guru meningkatkan ilmu mereka khususnya bagi mereka yang berhadapan dengan masalah dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Oleh itu dalam kajian ini, kaedah *Mentoring* (mentor-menti) digunakan sebagai satu cara untuk meningkatkan kemahiran dalam proses pengajaran dan pembelajaran bermain rekoder di kalangan guru bukan opsyen pendidikan muzik. Menurut Benson (2008) dan Conway (2003) dalam Mahayuddin (2013) menyatakan program mentor menti telah dicadangkan sebagai salah satu cara yang efektif kepada guru muzik yang baharu dalam proses peralihan sehingga menjadi pendidik muzik yang profesional. Kaedah *Mentoring* juga dapat membantu guru-guru muzik memahami dan berkongsi beberapa pendekatan dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran yang berkesan.



Menurut Alias (2015), seorang *mentor* menyampaikan kepakaran mereka kepada mentee, menerangkan atau menjadi model kepada mentee, menunjukkan cara atau kaedah yang sebelum ini telah berkesan, dan tidak menggalakkan mentee untuk melakukan sesuatu yang baharu. Alias (2015) juga turut menyatakan bahawa „*Mentoring* merangkumi aspek melatih, membimbing, memberi kaunseling dan memupuk ikatan kerjasama dengan individu lain“(ms.3).

Penyelidikan ini dijalankan untuk melihat apakah proses kaedah *Mentoring* yang sesuai yang dapat membantu guru muzik bukan opsyen dalam meningkatkan kemahiran bermain dan mengajar rekoder di sekolah rendah. Selain itu, ia bertujuan menyelidik perubahan yang berlaku dalam kalangan mentee semasa mereka mengendalikan pengajaran dan pembelajaran rekoder di sekolah. Mohamad Zaid (2012), juga turut memperkatakan kaedah *Mentoring* juga dikatakan turut membantu *mentor* meningkatkan pengetahuan yang berkaitan. Oleh yang demikian, kajian ini juga diharap dapat memperkukuhkan teknik bermain rekoder dan ilmu teori muzik Penyelidik, sebagai *mentor*. Kajian ini berfokuskan kepada kaedah *Mentoring* dalam proses pengajaran dan pembelajaran permainan rekoder Tahun 6 terhadap 3 orang guru muzik bukan opsyen di tiga buah sekolah di daerah Kanowit.

1.3 Permasalahan Kajian

Asas pengetahuan yang kukuh membolehkan guru membina dan meningkatkan mutu profesionalisme dalam usaha penambahbaikan amalan pengajaran dan pembelajaran. Kemahiran guru muzik amat diperlukan dalam melaksanakan proses pengajaran dan



pembelajaran di sekolah. Hasil tinjauan awal yang dilakukan di sekolah di sekitar daerah Kanowit, penyelidik telah mendapati bahawa guru yang mengajar muzik adalah guru dari pengkhususan lain. Mereka mengakui bahawa mereka tidak dapat melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran permainan rekoder dengan baik.

Semasa proses pengajaran permainan rekoder, guru tidak menggunakan skor lagu yang dimainkan. Sebaliknya guru menggunakan huruf A, B, C untuk membimbing murid meniup rekoder. Guru-guru tersebut tidak mengenal pasti kedudukan not dalam skor. Salah seorang daripada guru itu kerap lupa not dan sukar untuk mengingati not semasa bermain rekoder.

Selain itu, guru juga didapati tidak mengamalkan postur secara berdiri dan duduk yang betul semasa bermain rekoder. Pada pemerhatian awalan yang dilakukan ketiga-tiga orang guru itu meniup rekoder secara berdiri dengan postur yang tidak betul. Ini telah memberikan kesan terhadap kualiti ton rekoder yang dihasilkan.

Selain itu juga, guru didapati meniup rekoder tanpa pengawalan udara, penjarian yang tidak betul dan mengeluarkan bunyi serta pic yang tidak tepat. Ini menyebabkan pengajaran dan pembelajaran rekoder kurang menarik kerana bunyi rekoder yang dihasilkan mengeluarkan bunyi yang tidak enak dan sumbang.

Hasil tinjauan awal yang dilakukan juga mendapati guru gagal menunjukkan teknik penjarian yang betul semasa mengajar murid meniup not dengan menggunakan rekoder. Masalah ini telah menyebabkan pic pada not yang ditiup tidak sampai dan melodi yang dimainkan adalah salah.





Kesedaran penggunaan rekoder yang berkualiti amatlah penting dalam bermain rekoder. Ada di antara ibu bapa tidak menyediakan rekoder kepada anak-anak mereka. Menurut Ghazali (2022) dalam kajiannya, ada di antara ibu bapa tidak menyediakan rekoder kepada anak-anak mereka kerana mereka beranggapan pendidikan muzik itu tidak penting. Tinjauan awal juga mendapati dua orang guru muzik dan beberapa orang murid menggunakan rekoder yang bukan standard dan berwarna-warni.

Hasil perbualan juga mendapati ketiga-tiga orang guru ini juga pernah mengikuti kursus muzik di peringkat daerah tetapi bimbingan yang diterima itu tidak mencukupi. Ada yang tidak pernah mengikuti kursus pendidikan muzik kerana peluang untuk mengikuti kursus sangat terhad. Selain itu juga, saiz kelas dan ketiadaan bilik khas untuk menjalankan pengajaran pendidikan muzik juga turut mempengaruhi pengajaran muzik di sekolah ketiga-tiga orang guru muzik bukan opsyen ini. Keyakinan ketiga-tiga guru muzik ini berkurangan kerana terpaksa mengajar pendidikan muzik bersebelahan dengan kelas perdana yang lain dan dikhuatiri tidak disenangi oleh rakan guru yang lain.

Ketiga-tiga orang guru ini tidak bermotivasi mengajar muzik kerana mereka tidak mempunyai kemahiran yang cukup untuk menjalankan pengajaran dan pembelajaran muzik. Selain itu, tahap persediaan guru mengajar rekoder kurang dan mereka tiada keyakinan diri dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran rekoder di dalam kelas. Justeru itu telah memberikan tekanan dan tahap keyakinan yang rendah pada diri mereka dan akibat impak daripada tekanan itu menyebabkan mereka mengajar rekoder dengan sambil lewa sahaja.



Strategi dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang digunakan oleh ketiga-tiga orang guru muzik di tiga buah sekolah yang dilawati ini tidak dapat membantu pelajar untuk bermain rekoder dengan cara yang betul. Sekiranya permasalahan ini berterusan sudah pasti aktiviti dalam proses pengajaran dan pembelajaran akan menjadi bosan dan membuatkan murid-murid hilang minat untuk belajar muzik.

1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji keberkesanan *mentoring* dalam membimbing tiga orang guru Pendidikan Muzik bukan opsyen di daerah Kanowit melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran rekoder Tahun Enam menerusi kaedah „*Mentoring*“.

1.4.1 Objektif Khusus

Melihat keberkesanan kaedah „*Mentoring*“ dalam meningkatkan penegetahuan dan kemahiran permainan rekoder di kalangan menti.

Melihat sejauh manakah kaedah „*Mentoring*“ yang diaplikasikan dapat membimbing guru-guru bukan opsyen (menti) melaksanakan pengajaran dan pembelajaran rekoder di dalam kelas.

1. Mendapatkan pandangan menti terhadap kaedah „*Mentoring*“ yang dilaksanakan dalam kajian ini.



1.5 Persoalan Kajian

1. Apakah kesan *Mentoring* terhadap pengetahuan dan kemahiran menti dalam permainan rekoder?
2. Sejauh manakah proses *Mentoring* yang dilaksanakan dapat membantu menti melaksanakan pengajaran dan pembelajaran rekoder di dalam kelas?
3. Apakah pandangan menti terhadap kaedah *Mentoring* yang dilaksanakan?

1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk membantu guru bukan opsyen di daerah Kanowit melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran rekoder tahun 6 dengan lebih yakin. Murid- murid juga mendapat pendidikan muzik yang lebih baik dan bersistematik. Selain itu, kajian ini membantu meningkatkan kemahiran dan pengetahuan penyelidik dalam memperkukuhkan pengetahuan dan kemahiran sedia ada. Kajian ini juga dapat mendedahkan pembaca terhadap kaedah „*Mentoring*” yang sangat berguna dalam arena pendidikan terutamanya bagi membantu guru guru baru atau guru bukan opsyen muzik untuk mengajar muzik di sekolah rendah.

1.7 Batasan Kajian (Kumpulan Sasaran)

Anderson dan Poolem (2011) menyatakan batasan, kekangan masa, wang dan jangka masa kajian boleh dikaitkan dengan semua penyiasatan. Persampelan adalah berkaitan dengan proses memilih sebilangan subjek daripada satu populasi untuk dijadikan sebagai subjek kajian. Oleh itu penyelidik telah memilih subjek kajian yang telah memenuhi kriteria yang diperlukan dengan berpandukan saranan tersebut. Menurut Piaw (2011), bagi kajian kualitatif, “bilangan sampel yang digunakan





biasanya kecil” (ms. 182). Beliau turut menyatakan bahawa, bagi kajian kualitatif yang melibatkan populasi yang mempunyai data demografi yang sama, saiz sampel sekecil tiga subjek boleh diterima.

Oleh itu, tiga orang guru muzik bukan opsyen dipilih sebagai subjek kajian yang terdiri daripada guru Pendidikan Muzik Tahun bukan opsyen di tiga buah sekolah yang terletak di daerah Kanowit, Sarawak. Subjek kajian terdiri daripada tiga orang guru. Dua orang guru lelaki dan seorang guru perempuan. Subjek kajian juga terdiri daripada guru yang berbeza opsyen. Seorang guru lelaki mengajar subjek Bahasa Inggeris, seorang guru perempuan mengajar subjek Matematik manakala seorang lagi guru lelaki mengajar subjek Bahasa Melayu. Ketiga-tiga subjek kajian ini tidak mempunyai pendidikan formal dalam Pendidikan Muzik.



1.8 Definisi dan Istilah

1.8.1 Pendidikan Muzik KSSR

Kurikulum Pendidikan Muzik sekolah rendah bermatlamat untuk melahirkan insan kreatif yang berpengetahuan serta dapat menghayati dan menikmati muzik secara intelektual menerusi aktiviti muzik.

Kurikulum Pendidikan Muzik dirangka berdasarkan empat modul kurikulum iaitu Pengalaman Muzikal, Penghasilan Muzik, Apresiasi Muzik serta Membaca dan



Menulis Notasi Muzik tanpa mengikut hierarki yang wajib dituruti. Oleh itu, untuk memastikan proses pengajaran dan pembelajaran menjadi lebih berkesan maka fokus pengajaran haruslah dilaksanakan secara integrasi antara modul kurikulum. Contohnya, pengetahuan tentang notasi muzik dikukuhkan semasa aktiviti bermain rekoder, memainkan perkusi dan penghasilan muzik manakala pengukuhan kepada elemen muzik seperti mud, melodi dan tempo diaplikasikan menerusi aktiviti muzik dan gerakan.

Kurikulum Pendidikan Muzik Tahap Dua memberi tumpuan kepada perkembangan kognitif dan kemahiran murid dalam bidang muzik. Murid diberi pelbagai peluang untuk meluahkan idea kreatif di samping meningkatkan apresiasi terhadap estetika muzik. Pada tahap ini juga, murid berpeluang untuk mempelajari pembacaan dan penulisan notasi muzik secara konvensional seterusnya mengaplikasikan pengetahuan dan kemahiran tersebut menerusi permainan alat muzik. Bagi mencapai tujuan yang dihasratkan, kurikulum ini dibina dengan memberi tumpuan kepada empat modul kurikulum iaitu Pengalaman Muzikal, Penghasilan Muzik, Apresiasi Muzik dan Membaca dan Menulis Notasi Muzik.

(KPM 2019)

1.8.2 “Mentoring”

“Mentoring is a system of semi-structured guidance whereby one person shares their knowledge, skills and experience to assist others to progress in their own lives and



careers. Mentors need to be readily accessible and prepared to offer help as the need arises - within agreed bounds” (Cambridge, 2019, ms. 1).


Selain itu, *Mentoring* juga dilihat sebagai pendekatan jangka masa panjang kepada pembangunan profesional, latihan sementara yang mementingkan peningkatan sesuatu kemahiran dan matlamat (Fletcher & Ng 2012).

1.8.3 Guru Bukan Opsyen

Menurut Haslina et al. (2017), guru yang mendapat latihan ikhtisas dalam bidang tertentu dan mengajar subjek berkaitan dikenali sebagai guru mengikut opsyen manakala guru yang mengajar subjek berlainan daripada kelayakan ikhtisas dikenali sebagai guru bukan opsyen. Dalam kajian ini, guru-guru bukan opsyen membawa maksud guru-guru yang bukan dari aliran Pengajian Muzik dan tiada pengkhususan berkaitan mata pelajaran Pendidikan Muzik



1.9 Kerangka Konseptual Kajian



Rajah 1.1. Kerangka Konseptual *Mentoring*.

Mentoring ini dilaksanakan berdasarkan beberapa fasa „*Mentoring*“ yang melibatkan dua belas prosedur. Kaedah *Mentoring* yang digunakan adalah „*Mentoring Tradisional*“ dan „*Group Mentoring*“. Menerusi „*Mentoring Tradisional*“ ini, mentor bersemuka dengan mentee yang memerlukan bimbingan serta bantuan dalam



pengajaran permainan rekoder. Aktiviti pertemuan atau bersemuka dilaksanakan di suatu tempat yang sesuai seperti mana yang telah disediakan oleh mentor bagi keeselesaian menti. Dalam merungkai teknik *mentoring*, kajian ini juga menggunakan „Group Mentoring“ di mana mentor dan menti menentukan jadual untuk pertemuan secara teratur setiap minggu iaitu satu hingga tiga jam bagi setiap interaksi. Penyelidik mendalami kaedah *mentoring* yang baik, menjalin perhubungan yang baik dengan menti, menyediakan bahan berkaitan untuk menti, meningkatkan kemahiran bermain dan teknik pengajaran rekoder. Penyelidik sendiri juga merancang prosedur *mentoring* yang sesuai dalam membimbing menti meningkatkan kemahiran dan pengetahuan dalam permainan rekoder. Selain itu, penyelidik melaksanakan simulasi pengajaran dan pembelajaran rekoder bersama menti, membuat pemerhatian dalam pengajaran, pembelajaran, dan perbincangan bersama dengan menti. Pemerhatian dan fokus terhadap kesan pengajaran dan pembelajaran terhadap menti adalah terdiri daripada Postur, *Embouchure*, Pernafasan, Notasi, Penjarian dan Artikulasi. Setiap kaedah pengajaran permainan rekoder ini adalah pandangan serta teknik-teknik yang disyorkan oleh guru-guru muzik yang berpengalaman, beberapa orang pensyarah muzik yang pakar dalam bidang tiupan, penyelidikan lampau oleh pakar-pakar dalam bidang rekoder dan video-video yang amat membantu seperti mana yang terdapat dalam Youtube. Penyelidik menggunakan instrumen kualitatif iaitu pemerhatian menerusi catatan lapangan serta perbincangan, temu bual separa struktur dan kajian dokumen yang terdiri daripada Rancangan Pengajaran harian dan DSKP Pendidikan Muzik Tahun 6. Pemerhatian seperti rakaman video dan temu bual telah dirakam dengan izin dari pihak subjek kajian. Rakaman tersebut bertujuan mendapatkan data secara dalam dan terperinci di lapangan.

